

JAMINAN PENGIKTIRAFAN HALAL NEGARA ANGGOTA MABIMS PENGALAMAN MALAYSIA

Oleh:

**HJH HAKIMAH MOHD YUSOFF
PENGARAH
BAHAGIAN HAB HALAL
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

PENDAHULUAN

Amalan memakan makanan halal telah sekian lama dipraktiskan oleh umat Islam di seluruh dunia sejajar dengan perintah Allah SWT yang mewajibkan semua individu Islam mengambil pemakanan halal seperti firmanNya dalam banyak surah-surah al Quran. Antaranya, surah al Baqarah ayat 168 yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”

Amalan ini kekal menjadi tanggungjawab individusemenjak zaman Rasulullah SAW hingga kini. Walau bagaimanapun, bermula akhir tahun 70an atau awal tahun 80an, umat Islam mula merasa perlu ada

satu jaminan terhadap status makanan yang mereka makan dari sudut halal. Kesedaran ini sebenarnya berkait rapat dengan perkembangan teknologi pembuatan makan itu sendiri selain perubahan tabiat pemakanan dalam sesebuah masyarakat. Dalam kehidupan moden hari ini, manusia tidak lagi bergantung hanya kepada makanan dalam bentuk segar dan semulajadi seperti ikan, daging, bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran. Melalui kajian sains dan perkembangan teknologi, manusia telah menghasilkan berbagai makanan terproses yang mengandungi bermacam-macam bahan tambah makanan bagi maksud mengekalkan tekstur, rasa, ketahanan, warna, dan kualiti sesuatu makanan. Bahan tambah makanan yang digunakan tersebut pula, sudah tentu melibatkan penggunaan pelbagai bahan mentah dan proses termasuk yang bersumberkan bahan halal, haram maupun daripada sumber yang diragui. Pengambilan makan terproses hari ini sudah mula mengambil alih diet harian kita bagi menggantikan makan segar tanpa kita sedari.

Perkembangan teknologi dan corak pengambilan makanan ini, telah menjadikan umat Islam lebih berhati-hati dan menuntut supaya suatu mekanisme kawalan dan jaminan bahawa apa yang mereka makan tidak terjejas kehalalannya. Pensijilan halal dilihat sebagai suatu langkah yang amat penting pada masa ini untuk tujuan tersebut.

Di Malaysia umpamanya, kesedaran tentang pentingnya status jaminan halal itu lahir sejak tahun 70an apabila negara mula mengimport daging dari luar Negara seperti Australia dan New Zealand. Walaupun hanya terhad kepada keperluan penyembelihan menurut hukum Syarak pada masa itu, namun ianya telah menjadi titik permulaan suatu agenda besar buat Malaysia iaitu menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia.

PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA

Pensijilan Halal di Malaysia bermula dengan pengeluaran surat pengesahan halal pada tahun 1974. Sijil halal hanya mula dikeluarkan pada tahun 1994 manakala logo halal pula mula diperkenalkan pada tahun 1998. Pada tahun itu juga, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan garis panduan Penyembelihan mengikut Hukum Syarak diikuti dengan Garispanduan Makanan dan Barangan Gunaan Islam untuk dijadikan rujukan kepada syarikat-syarikat pemegang sijil halal.

Apabila Kerajaan Malaysia mengumumkan aspirasi untuk menjadi Hub Halal Dunia dan penubuhan Jawatkuasa Teknikal Menjadikan Malaysia Sebagai Hub Halal pada tahun 2003, beberapa inisiatif telah

dilaksanakan bagi meningkatkan lagi mutu pensijilan halal terutamanya. Antara inisiatif tersebut termasuklah membangunkan standard-standard halal yang berasaskan hukum syarak mengikut keperluan ISO, memperkukuhkan struktur organisasi pengurusan pensijilan halal di JAKIM, menyeragamkan pengurusan pensijilan seluruh Negara, memperkukuhkan perundangan halal sedia ada, memperkukuhkan system pensijilan termasuk pengiktirafan badan pensijilan luar, keperluan analisis dan makmal halal dan lain-lain.

Kuasa Perundangan

Walaupun pada asalnya tanggungjawab mendapatkan makanan halal merupakan tanggungjawab individu sebagaimana perintah Allah SWT, namun sebagai sebuah negara Islam, kerajaan Malaysia telah mengambil sebahagian tanggungjawab tersebut bagi memberi jaminan pilihan kepada umat Islam di Malaysia melalui system pensijilan halal.

Terdapat beberapa peraturan di bawah undang-undang Malaysia yang digunakan bagi mengawal kemasukan produk halal dan penggunaan tanda halal di Malaysia.

Terdapat beberapa peraturan di bawah undang-undang Malaysia yang digunakan bagi mengawal penggunaan tanda halal dan kemasukan produk halal ke Malaysia. Antaranya ialah Undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengawalan logo, tanda dan perbahaasan halal iaitu Akta Perihal Dagangan 2011.

Akta Perihal Dagangan 2011

Akta Perihal Dagangan 2011, merupakan suatu akta yang bermatlamat memberi perlindungan kepada pengguna daripada sebarang amalan perdagangan atau perniagaan yang tidak beretika. Matlamatnya ialah untuk memastikan pengguna mendapat penerangan yang benar dan mencukupi mengenai produk dan memastikan barang yang dijual atau perkhidmatan yang dibekalkan selaras dengan preskripsi pada label atau dokumen yang digunakan pada produk. Penggunaan logo dan sijil halal adalah salah satu dari label/tanda dan perihal halal.

Undang-undang kawalan penggunaan logo/tanda/label halal telah diwujudkan sejak tahun 1975, melalui dua (2) perintah yang diwujudkan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Dua perintah tersebut ialah

Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975 dan Perintah (Perihal Dagangan Penandaan Makanan) 1975.

Bagi memantapkan kawalan halal, pada tahun 2011 kerajaan telah membuat pindaan keatas Akta Perihal Dagangan dengan memansuhkan Akta Perihal Dagangan 1972 dan mewujudkan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

Selaras dengan kewujudan Akta baru, 2 perintah baru diwujudkan bagi menggantikan perintah-perintah sedia ada iaitu :

- (a) Perintah (Perihal Dagangan Takrif Halal) 2011
- (b) Perintah (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 memberikan takrif makanan, barangan dan perkhidmatan halal. Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 menjelaskan tentang keperluan sesuatu barangan atau makan yang dianggap halal yang antara lain menghalang daripada percampuran bahan halal dan haram. Takrif halal dalam perintah ini ditakrifkan seperti berikut:

- (a) bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak;
- (b) tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut Hukum Syarak;
- (c) tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak;
- (d) tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak;
- (e) tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
- (f) tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut Hukum Syarak; dan
- (g) tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi perenggan (a) dan (b).

Sekiranya sesuatu produk makanan atau barangan yang ditandakan “halal” tidak menepati takrif di atas, maka telah berlaku kesalahan di situ. Jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda sebanyak RM5 Juta

bagi kesalahan pertama, RM 10 juta bagi kesalahan kedua dan berikutnya.

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

telah memperuntukkan :

- (a) pihak berkuasa berwibawa (competent authority) dalam pengeluaran sijil halal di Malaysia iaitu JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Perintah ini dengan sekaligus melarang sebarang bentuk aktiviti pensijilan halal oleh pihak selain daripada Jakim dan MAIN sama ada individu individu atau organisasi;
- (b) Perintah tersebut juga menghendaki sesiapa sahaja yang ingin menggunakan logo halal atau sebarang tanda halal hendaklah mendapat sijil halal daripada pihak berkuasa berwibawa terlebih dahulu iaitu Jakim atau Majlis Agama Islam Negeri.
- (c) Perintah ini menghalang pihak pengeluar, pendedaran atau pengusaha premis makanan daripada membuat pengisytiharan halal sendiri. Sebarang kenyataan atau perkataan yang menunjukkan bahawa produk berkenaan adalah halal seperti, “dijamin halal”, “makanan orang Islam” atau penggunaan logo

halal secara umum pada premis makanan dan label pembungkusan juga adalah dilarang sama sekali.

- (d) Perintah ini juga memperuntukkan dikenakan kawalan bagi produk import iaitu, sekiranya produk berkenaan ingin dilabelkan sebagai halal, ia hendaklah telah mendapat sijil halal daripada badan yang diktiraf oleh JAKIM dan logo serta nama badan tersebut hendaklah dinyatakan pada label produk.

Pihak-pihak lain yang mengeluarkan sijil halal adalah melakukan kesalahan di bawah perintah ini boleh didenda sehingga RM200,000.00 dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM 500,000.00;

Akta Binatang (Semakan 2006)

Undang-undang ini berkait dengan kawalan daging import iaitu Akta Binatang (Semakan) 2006, yang dikuatkuasakan melalui Peraturan (Pengimportan) Binatang 1962, Akta Kastam 1967 dan Perintah Larangan Import 1988. Undang-undang tersebut digunakan oleh kerajaan untuk mengawal pengimportan daging dan produk berasaskan haiwan ke negara ini dengan memastikan produk berkenaan adalah halal, selamat dan bebas daripada sebarang penyakit. (www.jpv.gov.my).

Kerajaan Malaysia menetapkan dasar bahawa semua daging dan prpduk berasaskan haiwan yang memasuki Malaysia hendaklah dipastikan halal. Berdasarkan peruntukan di bawah Animal Rules 1962, Akta Binatang (Semakan 2006), maka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah mewujudkan Protokol Import yang mana antara syarat penting yang ditetapkan dalam protokol import ialah keperluan pengesahan halal. Berdasarkan kepada Protokol Import yang dinyatakan di atas, pada umumnya terdapat beberapa syarat asas yang ditetapkan bagi pengimportan produk berasaskan haiwan ke Malaysia iaitu :

- (a) Setiap '*consignment*' yang hendak dibawa masuk hendaklah disertai dengan permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang membenarkan pengimportan masuk ke Malaysia.
- (b) Bekalan hanya dibenarkan dari rumah sembelih atau loji pemprosesan produk yang telah diperiksa dan diluluskan oleh kerajaan Malaysia.
- (c) Setiap produk yang dibawa masuk ke negara ini hendaklah disertakan dengan :
 - (i) Sijil Kesihatan Veterinar (*Veterinary Health Certificate*) yang dikeluarkan atau disahkan oleh seorang pegawai

veterinar yang kompeten dari pihak berkuasa veterinar kerajaan negara pengeksporth.

- (ii) Sijil Pemeriksaan Daging (*Meat Inspection Certificate*).
- (iii) Sijil Pengesahan Halal yang ditandatangani dan disahkan oleh kakitangan yang kompeten di Badan Pensijilan Halal yang diiktiraf oleh Jakim.

Undang-Undang Pihak BerkuasaTempatan

Pihak BerkuasaTempatan (Local Authority) merupakan pihak berkuasa yang mengawal premis-premis perniagaan di kawasan masing-masing. Di bawah Pihak Berkuasa Tempatan terdapat Undang-undang Kecil (UUK) (By Law) yang juga mempunyai peruntukan bagi mengawal penggunaan iklan dalam bentuk logo/tanda halal di premis perniagaan iaitu Undang-undang Kecil Iklan (UUK Iklan). UUK Iklan menetapkan bahawa premis perniagaan terutama premis makanan tidak dibenarkan membuat iklan halal melainkan premis berkenaan telah mendapat sijil halal daripada pihak berkuasa (Jakim dan MAIN).

Struktur Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia

Struktur pengurusan pensijilan Halal Malaysia dibangunkan dengan mengambilkira beberapa keperluan bagi memastikan kredibiliti pensijilan terjamin. Ini termasuklah keperluan menjaga integriti, kecekapan, keadilan, ketelusan dan keberkecualian dalam membuat keputusan pensijilan.


Dalam struktur pengurusan Halal Malaysia, pegawai yang menguruskan permohonan, menjalankan penilaian dan pengauditan dan melakukan pemantauan adalah terdiri daripada pegawai dari unit yang berbeza. Demikian juga dalam urusan meluluskan sesuatu permohonan, yang mana ahli Panel Pengesahan Halal adalah mereka yang dilantik dari kalangan bukan auditor termasuk pegawai-pegawai dari bahagian lain di JAKIM dan juga pakar luar. Ini adalah penting agar keputusan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang berkepentingan dengan pemohon.

Selain itu juga, sebuah Panel Rayuan diwujudkan bagi membincang dan mempertimbangkan sebarang bantahan dan rayuan terhadap keputusan pensijilan yang dibuat oleh JAKIM. Panel Rayuan ini dianggotai oleh mereka yang tidak terlibat langsung dengan urusan pensijilan halal

termasuk wakil pihak persatuan industry bagi memastikan ketelusan keputusan.

Bagi membantu menasihati pengurusan pensijilan sebuah Jawatankuasa Penasihat yang dianggotai oleh semua pihak yang berkepentingan melibatkan ahli yang pakar dalam bidang syariah, bidang sains, pihak yang mewakili agensi kerajaan, industry dan pengguna ditubuhkan bagi memberi nasihat dalam bidang-bidang yang berkaitan dalam pelaksanaan pengurusan pensijilan halal Malaysia.

Manakala bagi isu-isu yang baru yang belum terdapat hukum mengenainya, Panel Pengesahan Halal akan merujuk kepada Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Gambarajah di bawah menunjukkan struktur pengurusan pensijilan halal Malaysia.



Struktur pengurusan Pensijilan Halal Malaysia

Rujukan Pensijilan

Dalam pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia terdapat beberapa rujukan penting yang dijadikan asas pegangan dasar oleh JAKIM. Rujukan ini boleh dibahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- (a) Rujukan utama (Primary)
- (b) Rujukan Pensijilan
- (c) Rujukan Industri

(a) *Rujukan Utama (Primary)*

Rujukan Utama (Primary) adalah rujukan utama dalam penentuan garis panduan atau prosedur pensijilan halal. Ia merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah melalui pandangan hukum oleh Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam serta standard-standard halal yang mana pembangunannya adalah berlandaskan hukum syarak. Berdasarkan dua dokumen rujukan inilah, Jakim menetapkan dasar dan polisi pensijilan. Rujukan ini juga terpakai jika terdapat perkara-perkara baru menjadi praktis dalam industry yang memerlukan kepada kajian dan pandangan hukum seperti penghasilan asid tartaric daripada hampas malta hasil pemprosesan wine.


(b) *Rujukan Pensijilan*

Rujukan Pensijilan pula merujuk kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia yang merupakan garis panduan kepada pihak industry dan pegawai-pegawai JAKIM dalam mengurus permohonan sesebuah syarikat. Ini termasuk syarat-syarat permohonan, proses permohonan, penilaian dokumen dan bahan

ramuan, audit lapangan, laporan audit, keputusan pensijilan, pengeluaran sijil dan pemantauan.

(c) *Rujukan Industri*

Rujukan Industri merujuk kepada garis panduan pelaksanaan Sistem Jaminan Halal (*Halal Assurance System*). Dalam pensijilan halal Malaysia, pihak industry telah diwajibkan untuk membangunkan Sistem Jaminan Halal dalaman yang mana sebahagian tanggungjawab memastikan seluruh pengurusan pengeluaran sesuatu produk dalam sesebuah syarikat mematuhi keperluan syarak dan prosedur pensijilan seperti yang digariskan dalam standard Halal Malaysia dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.



Rujukan Pensijilan Halal Malaysia

Standard Halal Malaysia

Bagi melancarkan pengurusan pensijilan Halal Malaysia, Jabatan Standards Malaysia telah membangunkan beberapa standard Halal di bawah Jawatankuasa Teknikal Makanan dan Barangan Gunaan Halal yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai oleh semua pihak yang berkepentingan mengenai halal yang terdiri dari wakil-wakil agensi kerajaan seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan lain-lain termasuk Jakim sendiri. Selain itu, pihak yang berkepakaran dalam bidang masing-masing daripada wakil Jabatan Mufti, Institut Pengajian Tinggi, pihak industry dan pihak pengguna dan juga pihak yang berkepakaran mengikut standard yang ingin dibangunkan.

Pada masa ini terdapat 13 buah standard halal yang telah dibangunkan iaitu:

(a) **MS 1500:2009**

Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua).

- (b) **MS1900:2014**
Syariah-Based Quality Management System
- (c) **MS2300:2009**
Value based Management System- Requirements from an Islamic Perspectives
- (d) **MS2393:2013**
Islamic and Halal Principles- Definition and Interpretations on Terminology
- (e) **MS 2424:2012**
Halal Pharmacuetical - General Guidelines
- (f) **MS 2565 : 2014**
Halal Packaging: General Guideline
- (g) **MS 2594:2015**
Halal Chemicals for use in Portable Water Treatment General Guidelines
- (h) **MS 2610: 2015**
Muslim Friendly Hospitality Services
- (i) **MS 2200:Baghagian 1:2008**
Barangan Gunaan Islam – Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum

(j) **MS 2200 : Bahagian 2 : 2012**

Barang Gunaan Islam Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu

(k) **MS 2400-1:2010**

Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline – Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods and/or Cargo Chain Services

(j) **MS 2400-2:2010**

Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline – Part 2: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities

(k) **MS 2400-3:2010**

Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline – Part 3: Management System Requirements for Retailing

Sistem Pensijilan

Pensijilan Halal Malaysia adalah bersifat sukarela yang mana industry adalah bebas untuk memilih sama ada memohon untuk pensijilan halal atau tidak. Pensijilan yang ditawarkan kepada pihak industry adalah merangkumi tujuh skim pensijilan iaitu:

- (a) Produk Makanan dan minuman
- (b) Produk Kosmetik dan Dandanan Diri
- (c) Produk Pharmaseutikal
- (d) Rumah Sembelih
- (e) Barangan Gunaan Orang Islam
- (f) Premis Makanan
- (g) Kemudahan Lojistik

Sistem Pensijilan Halal Malaysia melibatkan beberapa proses iaitu permohonan, penilaian dokumen dan ramuan, pengauditan premis, pengujian sampel produk, keputusan pensijilan dan pemantauan.

Permohonan

Permohonan sijil halal oleh pemohon hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem MyeHalal iaitu sistem yang dibangunkan oleh JAKIM untuk kemudahan pelanggan. Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat tentang syarikat dan produk yang ingin dipohon serta bahan ramuan yang digunakan. Selepas pemohon menghantar permohonan, mereka hendaklah mengemukakan dokumen

sokongan yang berkenaan kepada JAKIM dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Penilaian Dokumen dan Ramuan

Pegawai di JAKIM akan membuat penilaian dokumen bagi memastikan maklumat yang dikemukakan lengkap atau tidak. Kemudian penilaian ramuan akan dilaksanakan. Ramuan ini akan dikaji dari segi penggunaan bahan mentah, aliran pemprosesan, penggunaan alat bantu pemprosesan dan maklumat lain yang boleh menyokong terhadap status halal nya. Semua kritikal seperti bahan berunsur haiwan atau bahan mentah terproses yang melibatkan penggunaan enzim dan sebagainya memerlukan sokongan Salinan sijil halal daripada badan yang diiktiraf oleh JAKIM di negara pengeluar.

Pengauditan Premis

Setelah pasukan penilaian dokumen dan ramuan berpuas hati dengan permohonan tersebut, pasukan audit dari Unit Audit Pematuhan akan membuat pengauditan di kilang pengeluaran produk, restoran atau hotel berkenaan.

Pengauditan ini akan dilakukan oleh sekurang-kurangnya dua orang pegawai iaitu pegawai syariah dan pegawai sains mengikut skim permohonan. Proses pengauditan akan memberi perhatian kepada empat aspek iaitu:

- (a) verifikasi terhadap penggunaan ramuan yang telah diisytiharkan;
- (b) Peralatan dan proses pengeluaran;
- (c) Pengurusan amalan kebersihan termasuk amalan kebersihan pekerja; dan
- (d) Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Jaminan Halal Dalaman.

Pengujian Sampel Produk


Pengujian sampel produk akan dilakukan di makmal analisis untuk tujuan mengenalpasti kewujudan DNA haiwan termasuk khinzir atau alkohol dalam sesuatu produk atau bahan mentah. Pengujian ini dibuat apabila terdapat keraguan yang munasabah pada sesuatu bahan mentah yang digunakan terutama bagi ramuan kritikal yang berkemungkinan dihasilkan dari sumber haiwan.

Keputusan Pensijilan

Berdasarkan hasil audit di premis pengeluaran, Panel Pengesahan Halal akan bersidang bagi membincangkan permohonan tersebut. Panel akan mempertimbangkan semua penemuan semasa audit sebelum membuat sebarang keputusan.

Hasil keputusan tersebut akan dimaklumkan kepada pemohon. Bagi pemohon yang lulus, mereka akan diberikan sijil halal dan dibenarkan menggunakan logo halal Malaysia pada produk atau premis mereka. Tempoh sah laku sijil bagi semua produk dan premis makanan adalah selama dua tahun. Manakala bagi kategori rumah sembelihan, tempoh sah laku sijil hanya diberikan selama satu tahun.

Sehingga kini, sebanyak 5587 buah syarikat pemegang sijil halal Malaysia dalam pelbagai kategori. Produk makanan masih merupakan skim pemegang sijil terbesar iaitu 3995 buah syarikat berbanding skim pensijilan yang lain.



Pembahagian Pemegang Sijil Halal Mengikut Skim Pensijilan

Sijil dan Logo Halal

Di Malaysia, Sijil dan logo Halal hanya dikeluarkan oleh JAKIM sahaja. Logo Halal Malaysia telah didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 sebagai tanda pensijilan (certification mark) yang mana pihak ketiga boleh menggunakan logo berkenaan pada produk mereka selepas diluluskan oleh JAKIM.



Sijil dan Logo Halal Malaysia

Pemantauan

Selepas mendapat sijil halal, semua syarikat adalah tertakluk kepada pemeriksaan pemantauan oleh pasukan pemantau dari Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal. Pasukan pemantau akan membuat pemantauan berkala sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Namun begitu, selalunya pemeriksaan akan dibuat lebih kerap terutama bagi premis-premis yang kritikal seperti rumah sembelihan dan sebagainya.

Selain pemantauan oleh pihak JAKIM, masyarakat juga diajak untuk menjadi mata dan telinga pemantau halal. *Halal Square Apps* merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh JAKIM bagi pengesanan premis makanan yang mempunyai sijil halal dan pengesahan bahawa logo yang digunakan adalah asli atau tiruan. Semua premis makanan halal yang disahkan halal oleh JAKIM akan menerima poster logo khas yang mempunyai ciri-ciri keselamatan dan kaedah pengesanan menggunakan *Near Field Communication* (NFC). Oleh yang demikian semua pengguna yang yang memuat turun applikasi ini boleh memastikan bahawa premis berkenaan benar-benar mendapat sijil halal JAKIM. Sekiranya sebaliknya mereka boleh membuat aduan segera.

CABARAN DAN HALATUJU

Mengupayakan Kepentingan Syariah dalam Pengurusan Halal

Syariah perlu menjadi tunjang kepada Pensijilan Halal. Meskipun telah terdapat pelbagai kemajuan manusia dalam bidang sains dan teknologi. Syariah memerlukan manusia sebagai makhluk yang ditaklifkan oleh Allah SWT untuk melaksanakannya. Justeru, kemajuan sains dan teknologi masih memerlukan manusia yang menghidup dan

mengamalkan Syariah untuk melaksanakan sistem dan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Sebagaimana hukum Syarak yang lain, objektif Pensijilan Halal perlu ke arah pencapaian Maqasid Syariah. Pensijilan Halal perlu mempunyai roh dan misi untuk mendidik manusia untuk memelihara lima perkara yang ditafsirkan sebagai Maqasid Syariah, iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

Suatu perkara yang positif dapat dilihat dalam perkembangan Pensijilan Halal dan undang-undang pemakanan Islam serta kecenderungan masyarakat membicarakannya secara lebih terbuka dan serius tentang sensitiviti pemakanan halal semasa adalah kerana masyarakat telah sedar akan kepentingan pemakanan dan pemerolehan bahan mentah yang bersumberkan halal dalam kehidupan mereka.

Masyarakat kini juga semakin sedar dan peka akan kewujudan hak-hak mereka selaku pengguna dan tanggungjawab mereka secara peribadi iaitu fardhu ain untuk memilih makanan yang selamat dan

mempunyai jaminan halalan toyyiban. Pada masa yang sama masyarakat pengguna juga semakin peka terhadap pihak-pihak yang mereka perlu pertanggungjawabkan dalam memikul keperluan pematuhan Syariah dalam pengeluaran produk makanan dan bahan gunaan oleh syarikat-syarikat pengeluar barangan berkenaan, yang kebanyakan industri berkenaan adalah dimiliki oleh bukan Islam.

Dalam hal ini, persoalannya adalah bagaimana konsep taklif dan tanggungjawab melaksanakan Syariat itu boleh dikenakan kepada pemilik industri sedangkan tiada ikatan akidah dan tauhid yang menjadikan titik perbezaan hak taklif yang dipikul? Dan pemilik industri di kalangan orang bukan Islam juga tiada pengetahuan yang khusus dalam aspek hukum hakam halal dan haram yang merangkumi pelbagai aspek prinsip-prinsip ilmu agama dan ilmu yang terkait dengannya.

Di sini perlu difikirkan penekanan secara mendalam dalam menentukan pihak yang bertanggungjawab untuk memikul taklif Syarak yang melibatkan urusan pelaksanaan, penjagaan, pengawasan dan pematuhan piawaian halal. Dan ia hendaklah dilakukan bukan semata-mata berdasarkan standard dan prosedur yang diwujudkan dalam bentuk dokumen, bahkan perlu kita meletakkan nilai roh Syariat dan

halal yang memerlukan kepada orang Islam yang terlatih dan berkepakaran (yang ahli) untuk melaksanakannya.

Oleh sebab itulah dalam pensijilan halal Malaysia, kehadiran Jawankuasa Halal Dalaman, Eksekutif Halal dan pekerja muslim yang terlatih dalam bilangan tertentu adalah diwajibkan. Ini bagi memastikan taklif tanggungjawab boleh diletakkan kepada syarikat-syarikat pemegang sijil halal dari kalangan bukan Islam melalui jawata-jawatan ini.

Pandangan Pensijilan Halal Sama Seperti Pensijilan Sistem Kualiti

Di dunia yang lebih luas, Umat Islam kini terancam dengan pandangan bahawa pensijilan halal tidak ada bezanya dengan pensijilan sistem-sistem lain seperti pensijilan ISO 9001, pensijilan persekitaran, Hazard Analysis Critical Control Point dan lain-lain. Atas alasan tersebutlah, kini telah terdapat gesaan bahawa Pensijilan Halal tidak perlu bergantung kepada orang Islam sahaja, pensijilan halal boleh dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan atau syarikat bukan Islam berdasarkan sistem, standard dan panduan-panduan berbentuk dokumen yang berkaitan. Lebih malang lagi gesaan tersebut

sesetengahnya lahir daripada negara Islam sendiri. Malah telah ada syarikat bukan Islam yang melaksanakannya dan diiktiraf oleh negara Islam berkenaan.

Penekanan dan pendirian yang kukuh ini juga harus dibuat bagi memastikan bahawa pengesahan dan pensijilan halal tidak boleh dilaksanakan orang bukan Islam dan orang-orang yang jahil urusan hukum hakam agama dan Syarak. Ia juga bagi memastikan bahawa bukan mereka yang akan menentukan dan menilai bahawa tanggungjawab pengesahan halal adalah milik mereka; dengan hujah bahawa tiada jurang yang membezakan mereka dengan orang Islam yang berkemahiran dalam bidang berkenaan.

Fenomena ini amat membimbangkan kerana ianya boleh menjejaskan reputasi pengesahan halal, selain merencatkan pembangunan industri halal bahkan lebih membimbangkan ia berpotensi menghancurkan integriti Syariah dalam industri halal. Sekiranya langkah-langkah pengawalan terhadap kegiatan-kegiatan tersebut tidak dilaksanakan, fenomena ini dikhuatiri akhirnya akan mendatangkan kerugian kepada semua pihak termasuk pihak industri dan negara.

Bersatu dalam Perbezaan

Antara isu global yang sering dibincangkan mengenai halal adalah tentang ketidakseragaman standard, hokum dan system pensijilan itu sendiri. Perbezaan mazhab yang diikuti dan keterbatasan pengetahuan mengenai sains dan amalan industry adalah antara punca yang dikenalpasti. Setiap badan pensijilan halal melaksanakan pensijilan berdasarkan standard dan system masing-masing. Standard pula dibangunkan berdasarkan penerimaan hukum mengikut mazhab yang diikuti di negara di mana mereka beroperasi.

Dari sisi industry, perbezaan-perbezaan begini sangat memberi kesan kepada mereka dalam mematuhi piawaian halal. Kredibiliti badan pensijilan juga dilihat kurang professional apabila suatu praktis dalam penghasilan sesuatu produk diterima sebagai halal oleh sesebuah badan pensijilan tetapi tidak diterima oleh badan pensijilan halal yang lain.

Justeru telah tiba masanya untuk kita memikirkan bagaimana mekanisme terbaik boleh dibangunkan bagi mengurangkan jurang perbezaan ini.

Penutup

Perkembangan industry halal dunia hari ini telah membuka ruang peningkatan ekonomi yang sangat besar kepada negara pengeluar yang rata-ratanya bukan negara Islam. Hampir 70% barangan makanan terutamanya adalah diimport dari negara luar baik sebagai produk siap mahupun sebagai bahan ramuan. Justeru amat penting suatu mekanisme kawalan yang utuh diwujudkan bagi memastikan kehalalan produk-produk berkenaan. Sebagai sebuah Negara Islam, amat wajar peranan ini dimainkan oleh pihak pemerintah kerana halal bukan seperti pensijilan lain tetapi merupakan suatu jaminan yang ditawarkan kepada rakyat berlandaskan roh syariah Islamiyah.